

## TERMA RUJUKAN PROGRAM PEMULIHAN RUANG SENI CENDANA

### PENDAHULUAN

Permohonan Dibuka	Permohonan Tamat	Makluman kepada Pemohon	Sesi Taklimat Surat Perjanjian	Program Bermula
23 Ogos 2021	23 September 2021	22 Oktober 2021	2-4 minggu selepas makluman	12 November 2021 dan seterusnya

### Apakah itu Program Pemulihan Ruang Seni?

Program Pemulihan Ruang Seni CENDANA (“Program”) adalah bertujuan untuk mempersiapkan, melatih pengusaha ruang/tempat seni (seluruh negara) bagi menghadapi peralihan dalam menyediakan sebuah ruang/tempat yang sihat dan selamat untuk kehadiran audiens/kegunaan penggiat seni di samping menyokong perbelanjaan operasi asas seperti sewa, utiliti dan kos pemasaran.

Program ini mengutamakan pengusaha ruang dan tempat seni yang boleh menampung kurang daripada 500 orang.

Antara tujuan Program ini adalah diharapkan untuk:

- Mempersiapkan peserta dengan garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah diluluskan oleh Kerajaan Malaysia;
- Melatih peserta dengan amalan-amalan keselamatan dan kebersihan yang boleh digunapakai di tempat/ruang seni masing-masing;
- Menstabilkan lanskap ruang dan tempat seni melalui sokongan sewa, utiliti dan pemasaran;
- Memupuk kepercayaan dalam kalangan penggiat seni dan masyarakat umum untuk kembali ke ruang dan tempat seni bagi tujuan aktiviti seni.

Ruang dan tempat seni termasuk hab kreatif yang **terbuka kepada awam** yang menyumbang kepada komuniti sebagai sebuah ruang himpunan untuk berdialog, berkolaborasi, menganjurkan pameran, persembahan secara langsung bagi apa-apa program seni bagi sektor seni persembahan, seni visual, muzik independen dan kraf (sepertimana di dalam jadual di bawah) adalah digalakkan untuk memohon. Di bawah adalah beberapa contoh ruang dan tempat seni yang layak untuk menerima pembiayaan daripada Program ini (senarai di bawah adalah tidak terhad):

- Ruang/tempat independen bagi anjuran persembahan, bengkel seni, forum dan lain-lain;
- Galeri seni;
- Teater/dewan konsert;
- Pusat seni;
- Ruang/tempat pameran seni alternatif/independen;
- Ruang kolektif seni/penggiat seni;
- Studio Latihan/ studio rakaman; dan
- Hab kreatif dimana perniagaan adalah berteraskan seni persembahan, seni visual, muzik independen dan kraf.

## TERMA RUJUKAN

### **Siapakah yang boleh memohon?**

- Pengusaha ruang/tempat seni dengan rekod/sejarah penglibatan aktif dalam sektor seni dan budaya Malaysia sekurang-kurangnya dua (2) tahun;
- Pengusaha ruang/tempat seni dan penganjur aktiviti seni yang perniagaannya berteraskan seni persembahan, seni visual, muzik independen dan kraf yang berdaftar di bawah peruntukan undang-undang Malaysia dan mempunyai lesen operasi yang sah dibawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing;
- Ruang/tempat seni yang menganjurkan aktiviti seni yang disokong oleh CENDANA iaitu seni persembahan, seni visual, muzik independen dan kraf;
- Mempunyai rekod program dan/atau perkhidmatan kepada sektor seni dengan jelas; dan
- Penerima dana yang masih menerima dana di bawah Program Pemulihan Ruang Seni juga boleh memohon semula, tertakluk kepada peruntukan dana sedia ada dan prestasi yang memuaskan.

Pemohon utama mestilah bertanggungjawab sepenuhnya dan mestilah terlibat secara aktif sepanjang proses permohonan, pemantauan dan penilaian.

Permohonan daripada entiti-entiti yang berfokus kepada keuntungan mestilah mempunyai kelebihan pembangunan yang dapat memanfaatkan penggiat seni Malaysia, membawa hasil seni yang berkualiti tinggi kepada audiens dan mampu untuk mencapai kestabilan kewangan sejajar dengan masa.

### **Siapakah yang tidak boleh memohon?**

CENDANA tidak dapat menyokong permohonan anda sekiranya anda:

Sebuah kumpulan/organisasi:

- ditubuhkan bagi tujuan bukan sekular;
- menjalankan aktiviti utama yang bukan dalam bidang seni;
- sedang menerima geran atau pembiayaan daripada CENDANA atau syarikat induk MyCreative Ventures Sdn Bhd;
- mempunyai laporan penilaian yang masih belum diselesaikan daripada mana-mana program pembiayaan di bawah CENDANA atau syarikat induk MyCreative Ventures Sdn Bhd;
- berhutang dengan CENDANA;
- terdapat sebarang penemuan negatif terhadap organisasi semasa proses semakan;
- telah dibubarkan atau telah diisytiharkan bankrap atau sedang atau bakal menjalani prosiding kebangkrapan.

Mempersembahkan program/usaha yang dicadangkan:-

- tidak mempunyai komponen seni yang jelas dan bertumpu kepada unsur-unsur keagamaan;
- tidak dapat mendatangkan manfaat kepada penggiat seni dan budaya;
- melibatkan aktiviti-aktiviti yang tidak tergolong dalam mana-mana jenis seni / sektor mandat CENDANA;

## TERMA RUJUKAN

- berunsurkan akademik atau dicadangkan di bawah kelolaan sekolah atau institusi pengajian tinggi dan sebahagian daripada kurikulum;
- bertujuan semata-mata untuk keuntungan yang akan diagihkan kepada pemilik syarikat/pemegang saham;
- diadakan di tempat-tempat keagamaan;
- tidak bertujuan untuk kegunaan masyarakat awam;
- Disenaraihitam oleh badan-badan penguatkuasa dalam pasaran (cth. majlis perbandaran atau PUSPAL);

## **Bagaimanakah anda boleh memohon?**

- Anda boleh memohon melalui laman sesawang CENDANA di [www.cendana.com.my](http://www.cendana.com.my). Permohonan melalui cara-cara lain seperti email dan secara manual tidak akan diterima.

## **Apakah yang disokong di bawah Program Pemulihan Ruang Seni?**

### Latihan Persediaan Ruang and Acara

Bahan latihan (buku panduan dan video) berfokus kepada mendidik pengusaha ruang dan tempat seni terhadap pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah diluluskan oleh Majlis Keselamatan Negara dan penggunaan perkakasan dan peralatan keselamatan dan disinfeksi yang betul dan efisien di samping menyokong perbelanjaan asas seperti sewa, utiliti dan kos pemasaran.

### Sokongan ruang

Program ini memperuntukkan geran berjumlah sehingga **RM35,000** (bagi setiap pemohon/ruang yang berjaya) bagi tempoh selama **enam (6) bulan** yang menyokong kos-kos berikut:-

- Produk sanitasi dan kit ujian saringan COVID-19 berjumlah sehingga **RM5,000**;
- Sewa, utiliti, kos perlesenan dan pengajian seorang staf sepenuh masa (maksimum **RM1,000** sebulan) dimana kesemuanya berjumlah sehingga **RM4,500** sebulan;
- Sokongan usaha pemasaran dan promosi seperti rekaan poster dan sebagainya berjumlah sehingga **RM3,000**

Produk sanitasi yang disokong adalah seperti berikut (tidak terhad kepada senarai dibawah):

- Cecair sanitasi tangan
- Mesin sanitasi atau apa-apa peralatan yang mempunyai fungsi yang sama;
- Pelitup mukal
- Sarung tangan;
- Termometer digital;
- Pelindung muka; dan
- Produk-produk lain yang perlukan bagi memastikan ruang selamat seperti kon, tanda lantai dsb.

Senarai di atas adalah tidak terhad. CENDANA terbuka dalam menerima sebarang cadangan daripada ruang/tempat seni untuk item-item lain yang dirasakan perlu dalam menyediakan ruang yang selamat untuk kehadiran penonton. Tetapi, item-item ini bukanlah untuk dijual semula. Item-item yang tidak memenuhi keperluan SOP seperti mesin penapis udara dan mesin pembersihan automatik adalah tidak layak untuk disokong.

## TERMA RUJUKAN

Bagi mengelakkan kekeliruan, Program ini tidak menyokong kos bagi pengubahsuaian ruang, dan penganjuran majlis/program.

### **Apakah yang diperlukan bagi permohonan di bawah Program Pemulihan Ruang Seni?**

#### Profil

- Profil syarikat/organisasi (termasuk visi, misi dan perincian teras utama perniagaan);
- Teras perniagaan/aktiviti/khidmat yang disediakan adalah bagi tujuan menyokong seni/sektor mandat CENDANA (Seni Persembahan, Seni Visual, Muzik Independen dan Kraf);
- Struktur syarikat/organisasi (jika berkenaan);
- Rekod program/inisiatif/aktiviti seni untuk sekurang-kurangnya dua (2) tahun yang lepas;
- Gambar/video ruang atau tempat seni;
- Liputan kejayaan/artikel/reviu (sekiranya ada).
- Maklumat perhubungan dua (2) rujukan luar yang boleh dihubungi oleh CENDANA untuk membantu CENDANA dengan menyokong/mengesyorkan ruang dan kegunaan ruang tersebut. Rujukan tersebut mestilah berkaitan dengan industri dimana ruang tersebut beroperasi.

Serahan dokumen yang diperlukan untuk proses permohonan adalah seperti berikut:-

- Sesalinan kad pengenalan MyKad – sesalinan yang jelas depan dan belakang di dalam satu kertas A4 yang sama (\*pengarah dan pemegang saham bagi organisasi);
- Sesalinan sijil pendaftaran perniagaan syarikat/organisasi (Borang 9 (SSM), 24 atau 49, surat kuasa (jika berkenaan), senarai ahli jawatankuasa (untuk Persatuan);
- Profil syarikat;
- Sesalinan lesen perniagaan/premis yang sah daripada Pihak Berkuasa Tempatan; dan
- Sesalinan perjanjian sewa ruang/tempat.

### **Apakah yang akan berlaku selepas anda menghantar permohonan?**

- Sebaik sahaja permohonan ditutup, semua permohonan akan disaring bagi memastikan semua kriteria kelayakan dan dokumen sokongan yang relevan telah dihantar.
- Semua permohonan dinilai secara bersama dan diluluskan melalui proses penilaian yang sangat kompetitif.
- Permohonan yang lengkap dan memenuhi semua kriteria kelayakan akan dimajukan ke proses penilaian oleh Panel Penasihat Industri CENDANA/Jawatankuasa Penilaian yang terdiri daripada penasihat industri, pakar, dan penggiat seni, berdasarkan sistem pemarkahan.
- Permohonan-permohonan yang disyorkan selepas penilaian akan disemak dan seterusnya diluluskan oleh pihak Pengurusan/Badan Pengarah MyCreative Ventures Sdn. Bhd.
- Semua maklumat yang dikemukakan kepada CENDANA adalah peribadi dan sulit. Ahli panel CENDANA akan terikat dengan perjanjian untuk tidak




**CENDANA**  
CULTURAL ECONOMY  
DEVELOPMENT AGENCY

## TERMA RUJUKAN

mendedahkan sebarang maklumat dan juga telah mengisytiharkan tiada sebarang kepentingan sebelum menilai sebarang kertas cadangan.

- Keputusan permohonan akan dimaklumkan secara emel dalam tempoh tidak lebih dari empat (4) minggu selepas tarikh permohonan ditutup.



## **Apakah yang akan berlaku selepas permohonan dinilai?**

### **Permohonan yang Berjaya**

Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel rasmi dengan Surat Tawaran yang menyatakan:

- Jumlah dana **Program Pemulihan Ruang Seni** yang telah diluluskan;
- Terma & Syarat **Program Pemulihan Ruang Seni**; dan
- Serahan yang diperlukan.

Tawaran Program Pemulihan Ruang Seni CENDANA akan **sah selama empat belas (14) hari** dari tarikh makluman melalui e-mel yang dihantar. Jika anda tidak menerima tawaran dalam tempoh tersebut, tawaran tersebut akan luput.

## TERMA RUJUKAN

### Permohonan yang tidak Berjaya

Pemohon yang tidak berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel rasmi dalam tempoh pemberitahuan yang sama.

### Rayuan

CENDANA tidak akan menerima sebarang rayuan. Semua keputusan adalah muktamad.

### **Bagaimanakah anda akan menerima pembiayaan?**

- Bergantung kepada jumlah dana yang diluluskan, dana tersebut akan dibayar dalam beberapa peringkat dalam tempoh masa enam (6) bulan, tertakluk kepada proses pemantauan dan keperluan pelaporan sepanjang tempoh pendanaan, ke dalam akaun can organisasi yang diiktiraf atau secara cek.
- Anda juga perlu hadir ke satu sesi taklimat bersama-sama pihak CENDANA sama ada secara fizikal atau virtual berkenaan dengan terma dan syarat didalam perjanjian yang perlu ditandatangani.
- Jumlah dana yang diluluskan akan dibayar mengikut struktur pembayaran yang berikut:-

**Struktur 1:** Struktur pembayaran Program Pemulihan Ruang Seni CENDANA untuk jumlah pembiayaan **RM10,000 dan ke bawah** adalah seperti berikut:

Peringkat 1: Selepas Menandatangani Perjanjian	Peringkat 2: Borang Tinjauan Ekonomi CENDANA dan Serahan Lain
Pembayaran pertama (50% dari jumlah yang diluluskan) setelah pelaksanaan Surat Perjanjian dalam masa 21 hari bekerja.	Pembayaran akhir (baki 50% dari jumlah yang diluluskan) dalam masa 21 hari bekerja setelah selesai Laporan Tinjauan Pemantauan CENDANA dan serahan lain: <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Borang Tinjauan Ekonomi CENDANA;</b></li> <li>• Penyata akaun akhir (bukti perbelanjaan seperti resit, baucar pembayaran dll.);</li> <li>• Salinan Profil Artis CENDANA (templat disediakan); dan</li> <li>• Bahan tambahan (foto, video, dokumentasi proses kraf, cagaran dibuat jika berkenaan).</li> </ul>

## TERMA RUJUKAN

### Proses Penyaluran Dana Bagi RM10,000 dan ke bawah:




**Struktur 2:** Struktur pembayaran Program Pemulihan Ruang Seni CENDANA untuk jumlah pendanaan antara RM10,001 dan RM30,000 adalah seperti berikut:

<b>Peringkat 1:</b> <b>Selepas Menandatangani Perjanjian</b>	<b>Peringkat 2:</b> <b>Laporan Interim</b>	<b>Peringkat 3:</b> <b>Laporan Pasca Akhir, Borang Tinjauan Pemantauan dan Serahan Lain</b>
Pembayaran pertama (40% dari jumlah yang diluluskan) setelah pelaksanaan Surat Perjanjian dalam masa 21 hari bekerja.	Pembayaran berikutnya (40% daripada jumlah yang diluluskan) dalam masa dua puluh satu (21) hari bekerja selepas penyerahan dokumen seperti di bawah yang memenuhi semua syarat pelaporan CENDANA: <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Laporan Interim;</b></li> <li>• Dokumen sokongan untuk menyokong tuntutan tersebut (seperti resit, baucar pembayaran, inuis dll.)</li> </ul>	Pembayaran akhir (baki 20% dari jumlah yang diluluskan) dalam masa 21 hari bekerja setelah selesai Laporan Tinjauan Pemantauan CENDANA dan serahan lain: <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Borang Tinjauan Ekonomi CENDANA;</b></li> <li>• Penyata akaun akhir (bukti perbelanjaan seperti resit, baucar pembayaran, dll.);</li> <li>• Salinan Profil Artis CENDANA (templat disediakan); dan</li> <li>• Bahan tambahan (foto, video, dokumentasi proses kraf, cagar dibuat jika berkenaan).</li> </ul>

## TERMA RUJUKAN

### Proses Penyaluran Dana Bagi Pendanaan Bagi RM10,001 Hingga RM30,000:



**Struktur 3:** Struktur pembayaran Program Pemulihan Ruang Seni untuk jumlah pendanaan melebihi RM30,000 adalah seperti berikut:

<b>Peringkat 1:</b> <b>Selepas Menandatangani Perjanjian</b>	<b>Peringkat 2:</b> <b>Laporan Interim</b>	<b>Peringkat 3:</b> <b>Tinjauan Ekonomi CENDANA dan serahan lain</b>
Pembayaran pertama (30% dari jumlah yang diluluskan) setelah pelaksanaan Surat Perjanjian dalam masa 21 hari bekerja.	Pembayaran berikutnya (40% daripada jumlah yang diluluskan) dalam masa dua puluh satu (21) hari bekerja selepas penyerahan dokumen seperti di bawah yang memenuhi semua syarat pelaporan CENDANA: <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Laporan Interim;</b></li> <li>• Dokumen sokongan untuk menyokong tuntutan tersebut (seperti resit, baucar pembayaran, invoice dll.)</li> </ul>	Pembayaran akhir (baki 30% dari jumlah yang diluluskan) dalam masa 21 hari bekerja setelah selesai Laporan Tinjauan Pemantauan CENDANA dan serahan lain: <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Borang Tinjauan Ekonomi CENDANA;</b></li> <li>• Penyata akaun akhir (bukti perbelanjaan seperti resit, baucar pembayaran, dll.);</li> <li>• Salinan Profil Artis CENDANA (templat disediakan); dan</li> <li>• Bahan tambahan (foto, video, dokumentasi proses kraf, cagaran dibuat jika berkenaan).</li> </ul>



## TERMA RUJUKAN



Pelaporan data dan hasil memberikan CENDANA maklumat berharga untuk memantau prestasi dan aktiviti setiap projek, dan memastikan kebertanggungjawaban dana awam. Ini juga dapat membantu CENDANA bagi tujuan penyelidikan dan komunikasi bagi menunjukkan kesan-kesan program pembiayaan.

### **Apakah yang diperlukan daripada pemohon yang berjaya?**

<b>Keperluan daripada Pemohon yang berjaya</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membaca / menonton bahan latihan yang disediakan.</li> <li>• Menggunakan garis panduan penjenamaan CENDANA di dalam semua platform komunikasi seperti meletakkan logo CENDANA secara jelas di ruang/tempat seni dan di dalam semua bahan publisiti dan pemasaran<sup>1</sup> untuk setiap program yang disokong.</li> <li>• Segala kandungan yang dimuat naik di platform media sosial yang menunjukkan langkah-langkah dan usaha-usaha yang diambil oleh peserta mestilah disertakan dengan #CENDANAMalaysia.</li> <li>• Mempertimbangkan untuk meletakkan pamphlet program-program pembiayaan CENDANA atau lain-lain informasi yang adalah berguna bagi penggiat seni, pekerja budaya atau orang awam di ruang atau tempat seni peserta bagi tujuan penyebaran.</li> <li>• Mendaftarkan ruang dan tempat seni di dalam aplikasi MySejahtera dan menjana kod QR bagi tujuan proses pendaftaran dan pengesanan kontak.</li> <li>• Menyerahkan sesalinan Profil Artis CENDANA (untuk diisi sebagai sebuah ruang, mengikut templat yang disediakan).</li> <li>• Mematuhi SOP sepertimana yang telah dikuatkuasakan oleh Majlis Keselamatan Negara.</li> </ul>

<sup>1</sup> Maklumat lanjut adalah sepertimana di dalam Perjanjian.



**C E N D A N A**  
CULTURAL ECONOMY  
DEVELOPMENT AGENCY

## **TERMA RUJUKAN**

- Sentiasa menghubungi pihak CENDANA untuk memaklumkan sebarang perkembangan terkini atau sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap cadangan yang telah dipohon.
- Mengecualikan yuran sewa sekiranya CENDANA ingin menggunakan ruang anda untuk satu (1) kali penggunaan sahaja.
- Memastikan semua baucar pembayaran, invois dan resit bagi pembelian yang berkaitan adalah disimpan bagi tujuan serahan kepada CENDANA. Kegagalan untuk menyerahkan dokumen-dokumen tersebut akan menjejaskan jumlah pembiayaan yang seterusnya.

### **Keperluan Laporan**

- Laporan Interim diperlukan untuk pembiayaan yang mempunyai lebih dari satu bahagian (sila rujuk "Bagaimanakah anda menerima pembiayaan" di atas. Templat akan disediakan oleh CENDANA.
- Melengkapkan Borang Tinjauan Ekonomi CENDANA (akan disediakan oleh CENDANA).
- Menyerahkan resit / lain-lain dokumen sokongan untuk perbelanjaan yang berkaitan (cth. kos sewa dan pemasaran). Kegagalan untuk menyerahkan sebarang dokumen sokongan akan menjejaskan jumlah pembiayaan seterusnya.

CENDANA berhak membatalkan sebarang permohonan sekiranya terdapat:

- perubahan skop projek atau item-item yang telah diluluskan tanpa memberitahu dan mendapatkan kelulusan daripada CENDANA;
- merendahkan atau merosakkan reputasi CENDANA secara langsung atau tidak langsung;
- tidak dapat melengkapkan projek itu mengikut cadangan yang dikemukakan;
- melanggar terma dan syarat yang dinyatakan dan dipersetujui dalam perjanjian Program Pembiayaan.

### **Siapakah yang anda boleh hubungi sekiranya terdapat sebarang pertanyaan?**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau mahu berbincang mengenai permohonan anda dengan lebih lanjut, sila hubungi kami di emel [grants@cendana.com.my](mailto:grants@cendana.com.my)

## **TENTANG CENDANA**

Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya (CENDANA) dilancarkan pada 6 September 2017 untuk membentuk ekonomi seni budaya yang megah, mampan dan bercita-cita tinggi untuk Malaysia, disamping meningkatkan profil seni dan budaya Malaysia dalam membentuk identiti Malaysia sebagai destinasi seni yang strategik di peringkat global. Disokong oleh Kerajaan Malaysia melalui MyCreative Ventures Sdn Bhd (syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan) dan melapor kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cendana.com.my](http://www.cendana.com.my)